

Fasa keclua capai

UM 4 APR 2001

UCAPAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di pembentangan usul mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di Dewan Rakyat semalam.

SEBELUM saya bentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001-2010, saya mohon izin untuk menarik perhatian Dewan terhadap rekod pembangunan Malaysia sejak merdeka. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama dan dengan ekonominya yang tidak seimbang antara kaum, Malaysia bukanlah negara yang diramal akan aman dan boleh dimajukan. Ramai yang meramalkan bahawa perselisihan kaum akan berleluasa dan orang Melayu yang menjadi kaum majoriti akan merampas kuasa dan merompak harta kepunyaan kaum-kaum lain. Tetapi kita telah membuktikan pengkritik-pengkritik kita salah sama sekali.

Bagi pencapaian luar biasa ini, negara keseluruhannya terhutang budi kepada pemimpin Malaysia yang terulung, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau adalah yang telah mencipta kerjasama istimewa antara kaum yang mana hari ini ia cuba ditiru bukan sahaja di negara ini tetapi juga di kalangan banyak negara membangun lain yang menghadapi masalah perkauman. Tanpa kehilangan identiti kaum, parti-parti politik yang berasas kepada kaum telah dapat bergerak sebagai satu parti dan tidak sebagai parti campuran.

Inilah formula yang telah menghasilkan kestabilan dan pembangunan ekonomi di Malaysia. Jika Malaysia ingin terus aman dan tumbuh dengan pesatnya, amatlah penting bagi mereka yang mengamalkan sistem yang unik ini dikekalkan berkuasa. Mereka yang meniru sistem ini tidak mungkin menghasilkan hasil yang sama.

Malangnya, pengasas pengamal kerjasama antara kaum ini sedang menghadapi politik membenci, penyelewengan agama, sikap perkauman yang tebal dan rusuhan jalanan. Amatlah sukar memahami mengapa rakyat di Malaysia yang aman dan pesat membangun ingin meniru cara-cara negara yang tidak berjaya untuk kekal aman dan maju.

Hakikatnya, ada golongan di Malaysia yang tidak senang hati melihat negara ini aman serta ekonominya berkembang maju. Mereka ingin melihat kekecohan dan keganasan, kecederaan bahkan pembunuhan. Mereka sentiasa mencari isu dan peristiwa untuk dieksploitasikan. Sementara mereka bercakap berkenaan demokrasi mereka tidak sanggup menerima keputusan majoriti rakyat. Mereka tidak sanggup menunggu pilihan raya tetapi ingin merebut kuasa secara haram.

Wawasan 2020